# MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

## IKLAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT DARI JAWATAN PENOLONG JURUTERA, GRED JA36 KE JAWATAN PENOLONG JURUTERA, GRED JA38

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di **Majlis Daerah Kota Tinggi.**

| BIL | JAWATAN | KUMPULAN PERKHIDMATAN | GRED | STATUS | KEKOSONGAN | JADUAL GAJI (MINIMIUM – MAKSIMUM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera | Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu) | JA38 | Tetap | 1 | RM3,630.00 – RM7,924.00 |

**JAWATAN 1 : PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) / PENOLONG JURUTERA, GRED JA38**

1. a) Skim Perkhidmatan : Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera
   b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
   c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan (J)
   d) Gred Jawatan : JA38

2. **Syarat Kenaikan Pangkat Ke Gred JA38**

   Penolong Jurutera, Gred JA36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera, Gred JA38 setelah memenuhi syarat-syarat berikut :-

   a) Disahkan dalam perkhidmatan.

   b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu tahun 2017, 2018 dan 2019 atas gred jawatan hakiki/lantikan.

   c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

   d) Bebas dari sebarang tindakan atau hukuman tatatertib.

   e) Telah mengistiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

   f) Bebas daripada senarai Peminjam Pendidikan Tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan

   g) Lulus Tapisan Keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (SPRM)

**3. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Akim Perkhidmatan**

   Pegawai-pegawai yang memasuki Perkhidmatan Penolong Jurutera, Gred JA38 adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

4. **Tarikh Tutup Permohonan : 15 OKTOBER 2020 (KHAMIS)**

5. **Cara Memohon**

   a) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor pada waktu pejabat dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskah atau mengemukakan sampul surat berukuran 23cm x 16cm beralamat sendiri beserta setem RM0.60 atau boleh dimuat turun melalui laman web [www.mdkt.gov.my](http://www.mdkt.gov.my) dan bayaran permohonan hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.

b) Borang pemohon yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dan hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA**
**MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**
**JALAN PADANG**
**81900 KOTA TINGGI**

c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan, dan Suruhanjaya boleh mendapat ulasan daripada Ketua Jabatan jika diperlukan mengikut Perintah Am Bab "A" Bil.18 Tahun 2012 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini.

6. **Permohonan juga hendaklah menyediakan 'Video Resume' sebagaimana berikut :-**

6.1) Berdurasi tidak lebih dari 3 minit.

6.2) Menggunakan suara pemohon sebenar.

6.3) Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah :-
a) Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
b) Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.
c) Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
d) Pekerjaan/aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
e) Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon.
f) Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon.
g) Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'
h) Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
i) Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
j) Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon

6.4) Pemohon digalakkan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.

6.5) Semua 'video resume' hendaklah dihantar melalui email kepada Urusetia di alamat **mdkt@mdkt.gov.my**

7. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya.**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**
**"SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN'**

Saya yang menjalankan amanah,

**SAIPOL RAHMAN BIN HAJI AMAT**
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 30 September 2020

# MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
# IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di **Majlis Daerah Kota Tinggi.**

| BIL | JAWATAN | KUMPULAN PERKHIDMATAN | GRED | STATUS | KEKOSONGAN | JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Penolong Pegawai Tadbir | Pelaksana | N29 | Tetap | 2 | RM1,493.00 – RM5,672.00 |
| 2. | Pembantu Kesihatan Awam | Pelaksana | U19 | Tetap | 1 | RM1,360.00 – RM4,052.00 |

**JAWATAN 1 : PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N29**

1. (a) Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Tadbir
   (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
   (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan (N)
   (d) Gred Jawatan : N29

2. Syarat Lantikan

   1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

      (a) Warganegara Malaysia

      (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

      (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
      (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00): atau

      (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
      (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00), atau

      (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya.
      (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,770.95)

3. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

4. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke Jawatan Penolong Pegawai Tadbir, Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

   (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau

   (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) Had umur pelantikan :

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5. Pemohon hendaklah menyediakan **'Video Resume'** sebagaimana berikut :-

5.1) Berdurasi tidak lebih dari 3 minit.

5.2) Menggunakan suara pemohon sebenar.

5.3) Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah :-
a) Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
b) Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.
c) Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
d) Pekerjaan/aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
e) Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon.
f) Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon.
g) Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'.
h) Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
i) Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
j) Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon.

5.4) Pemohon digalakan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.

5.5) Semua 'video resume' hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di alamat **mdkt@mdkt.gov.my**

**JAWATAN 2 : PEMBANTU KESIHATAN AWAM, GRED U19**

1. (a) Skim Perkhidmatan : Pembantu Kesihatan Awam
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan Dan Kesihatan
(d) Gred Jawatan : U19

2. Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) Warganegara Malaysia

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19 : RM1,360.00): atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19 : RM1,418.12)

3. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

4. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke Jawatan Pembantu Kesihatan Awam, Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

(a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau

(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) Had umur pelantikan :
(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5. **Tarikh Tutup Permohonan : 15 OKTOBER 2020 (KHAMIS)**

6. **Cara Memohon**

a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskah atau boleh dimuat turun melalui laman web **www.mdkt.gov.my** dan bayaran hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.

b) Borang pemohon yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dan hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA**
**MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**
**JALAN PADANG**
**81900 KOTA TINGGI**

c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan, dan Suruhanjaya boleh mendapat ulasan daripada Ketua Jabatan jika diperlukan mengikut Perintah Am Bab ”A” Bil.18 Tahun 2012 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini.

7. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya.**

**”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**
**”SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN’**

Saya yang menjalankan amanah,

**SAIPOL RAHMAN BIN HAJI AMAT**
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 30 September 2020